

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHAHBUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN

DATUK HAJI SHAHBUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bilangan usahawan Bumiputera dalam industri hiliran tuna dan apakah langkah bagi menggalakkan lebih ramai terlibat dalam industri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 13 usahawan kategori Perusahaan Kecil Sederhana Tahap 3 (PKS 3) industri hiliran produk tuna dari negeri Melaka, Selangor, Pulau Pinang dan WP Labuan.

Bagi menggalakkan lebih ramai usahawan terlibat dalam industri hiliran tuna ini, pelbagai tindakan/langkah diambil oleh Kerajaan antaranya:

- i. Kerajaan menggalakkan sehingga 70 buah vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030. Ini adalah bagi membolehkan kuota pendaratan ikan tuna oleh Malaysia di Lautan Hindi sebanyak 30 ribu tan metrik tercapai. Untuk rekod, sehingga November 2021, sebanyak 21 buah vesel tuna C3 iaitu 20 buah vesel

- penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel *carrier tuna* telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi;
- ii. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021– 2030 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi 2021 – 2030 selaras dengan hasrat Dasar Agromakanan Negara 2.0 sebagai garis panduan halatuju pembangunan dan pengurusan tuna yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
 - iii. Kerajaan memperuntukkan RM2 juta bagi tahun 2022 yang akan disalurkan kepada negeri-negeri untuk tujuan pembangunan laut dalam dan tuna. Program pembangunan yang dicadangkan adalah pembangunan payao kepada nelayan tuna, bantuan peralatan pengendalian moden dan inovasi produk perikanan, latihan kepada kumpulan sasar, kajian stok sumber tuna, promosi dan sebagainya. Dengan inisiatif ini, pengurusan dan kawalan perikanan komersial dapat dipertingkatkan, peningkatan kepada pematuhan antarabangsa, peningkatan fasiliti pendaratan dan pengendalian hasil perikanan serta peningkatan produk perikanan laut dalam dan tuna; dan
 - iv. Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah memperuntukkan sebanyak RM14 juta ringgit kepada pihak Kementerian untuk menjalankan Projek Pembangunan Perikanan Komersial Laut Dalam dan Tuna bagi meningkatkan usaha pendaratan dan penglibatan pemain industri serta nilai tambah perikanan laut dalam dan tuna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi membantu usahawan kraf tangan seperti songkok, ukiran kayu, tenunan songket dan batik dapat dibantu selepas pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian kepada semua usahawan kraf agar terus berdaya saing walaupun mengharungi cabaran COVID-19. Menerusi Kraftangan Malaysia, sebuah agensi di bawah seliaan MOTAC, usahawan kraf dari seluruh negara didaftarkan bagi mengenalpasti antaranya bantuan, rancangan promosi dan latihan yang boleh diberikan untuk memastikan seni dan kraf tempatan terus terpelihara, meningkatkan kualiti dan seterusnya dapat menjana pendapatan yang lebih kepada pengusaha kraf.
2. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai lebih 6,257 orang usahawan kraf melibatkan lebih 11,764 tenaga kerja telah berdaftar dengan Kraftangan Malaysia dalam pelbagai bidang kraf.
3. Antara langkah-langkah yang diambil bagi membantu usahawan kraftangan adalah melalui inisiatif pendigitalan kraf. Usaha ini diperkasakan melalui pembangunan platform digital seperti E-Kraf Bazar, MYCRAFTSHOPPE selain daripada melaksanakan promosi kraf secara fizikal.
4. Selain daripada itu, Program Virtual Hari Kraf Kebangsaan (VHKK) 2021 yang berkonsepkan Ekspo Maya secara dalam talian turut diadakan. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam VHKK termasuklah jualan dan pameran produk kraf, padanan perniagaan, demonstrasi kraf dan masakan serta webinar. Program yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia ini melibatkan tidak kurang daripada 500 orang usahawan kraf dari seluruh negara.

5. Pada masa yang sama, Program Pemasaran Kraf turut dilaksanakan secara fizikal bagi mempromosi dan memasarkan produk kraf mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Promosi secara fizikal ini akan lebih diaktifkan melalui pelbagai program , seperti Komuniti Kraf Keluarga Malaysia (KKKM), Langkawi *Craft Musical Fest* dan Festival Kraf Johor.
6. Di samping itu, program kemahiran turut dilaksanakan bagi menyediakan usahawan kraf dengan latihan serta pengetahuan berkenaan teknik pemasaran terkini terutamanya penggunaan platform digital sedia ada. Program Pembangunan Perantisan Kemahiran (PPPK) dan Program Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) di bawah inisiatif PENJANA dilaksanakan melalui empat (4) fokus utama iaitu Pembangunan Produk, Pembangunan Komuniti Kraf, Pasaran dan Promosi serta Komunikasi Pasaran Bersepadu. Sehingga 31 Oktober 2021, 158 aktiviti kemahiran teknikal, 27 aktiviti keusahawanan dan pemasaran telah dianjurkan, yang memanfaatkan seramai 3,400 orang komuniti kraf dan menjana jualan bernilai RM6.1 juta.

Sekian, terima kasih.